

DIPROGENTA[®] CREAM

Betamethasone dipropionate/gentamicin sulfate (0.5 mg/1 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diprogenta Cream
2. Bagaimana Diprogenta Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Diprogenta Cream
4. Cara menggunakan Diprogenta Cream
5. Semasa menggunakan Diprogenta Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diprogenta Cream
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Diprogenta Cream

Diprogenta Cream ialah ubat yang digunakan pada kulit untuk merawat jangkitan bakteria, termasuklah ekzema, dermatitis dan psoriasis pada kulit kepala, tangan dan kaki mengikut diagnosis doktor.

Ekzema ialah penyakit kulit yang lazim dihidapi dan menyebabkan kulit menjadi merah dan gatal. Dermatitis ialah radang kulit. Psoriasis ialah penyakit kulit yang menyebabkan tompok-tompok merah jambu yang gatal dan bersisik pada siku, lutut, kulit kepala dan bahagian-bahagian lain badan.

Bagaimana Diprogenta Cream berfungsi

Diprogenta Cream mengandungi bahan aktif *betamethasone dipropionate* dan *gentamicin sulfate*.

Betamethasone dipropionate tergolong ke dalam kumpulan ubat kortikosteroid topikal yang

disapukan pada permukaan kulit untuk mengurangkan kemerahan dan rasa gatal yang disebabkan oleh masalah kulit yang tertentu.

Gentamicin tergolong ke dalam kumpulan ubat antibiotik spektrum luas dan berkesan merawat pelbagai masalah kulit yang disebabkan oleh jangkitan bakteria.

Sebelum mengambil Diprogenta Cream

- *Bila tidak boleh mengambil Jangan gunakan Diprogenta Cream*

- Jika anda alah terhadap mana-mana ramuan di dalam ubat ini (tersenarai di dalam bahagian "*Bahan-bahan Kandungan*").
- Jika anda ada masalah kulit seperti vaksinia, varisela dan tuberkulosis seperti yang diberitahu oleh doktor.

- *Sebelum mula mengambil*
Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Diprogenta Cream. Ubat ini tidak boleh digunakan di bawah pembalut luka yang menyumbat.

Kehamilan dan penyusuan anak dengan susu badan

Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, atau jika anda mungkin hamil atau bercadang untuk menjadi hamil, mintalah nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Kanak-kanak

Jika digunakan lebih kerap daripada yang sepatutnya, atau lebih kerap daripada yang diarahkan, krim ini boleh mengganggu beberapa hormon anak anda. Ini boleh melambatkan tumbesaran dan perkembangan mereka.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Diprogenta Cream

- *Berapa banyak harus digunakan*
Lapisan tipis Diprogenta Cream hendaklah disapukan pada bahagian kulit yang terjejas dua kali sehari, pagi dan malam.

- *Bila perlu digunakan*
Gunakan mengikut arahan doktor. Kekerapan menggunakannya hendaklah ditentukan oleh doktor.

- *Berapa lama perlu digunakan*
- Gunakanlah ubat ini tepat-tepat mengikut arahan doktor atau ahli farmasi. Tempoh terapi berbeza bergantung pada keterukan dan bahagian badan yang berpenyakit serta tindak balas pesakit. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.
 - Jika anda tidak menggunakan krim ini seperti yang diarahkan dan telah menggunakannya terlalu kerap dan/atau terlalu lama, anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi kerana kemungkinan berlakunya kesan sampingan boleh meningkat.
 - Jika penyakit kulit anda tidak beransur pulih selepas tiga hingga empat minggu, anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi.

- *Jika terlupa menggunakan*
Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Jika anda terlupa menggunakan krim pada waktu yang sepatutnya, gunakan sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan seperti biasa.

DIPROGENTA[®] CREAM

Betamethasone dipropionate/gentamicin sulfate (0.5 mg/1 mg)

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika digunakan lebih kerap daripada yang sepatutnya, atau pada bahagian badan yang luas, krim ini boleh mengganggu beberapa hormon anda dan mengakibatkan kesan sampingan yang tidak diinginkan. Bagi kanak-kanak, ini boleh melambatkan tumbesaran dan perkembangan mereka.

Semasa menggunakan Diprogenta Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Gunakan ubat ini tepat-tepat mengikut arahan doktor.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda menjadi hamil ketika menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan biarkan krim ini memasuki mata.
- Ubat ini hendaklah digunakan sepanjang tempoh yang ditetapkan, walaupun simptomnya mungkin telah beransur hilang.
- Jangan kongsi Diprogenta Cream dengan orang lain kerana ubat ini dipreskripsikan hanya untuk anda khususnya.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan semasa menggunakan krim ini.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Diprogenta Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya. Diprogenta Cream pada amnya diterima dengan baik oleh badan. Walau bagaimanapun, kesan sampingan yang jarang-jarang berlaku, seperti tindak balas alergi dan pengurangan pigmentasi kulit, pernah dilaporkan berlaku:

Antara kesan sampingan yang dilaporkan berlaku apabila menggunakan *gentamicin* ialah:

- bengkak,
- merah-merah,
- gatal-gatal.

Antara kesan sampingan lain yang dilaporkan berlaku apabila menggunakan kortikosteroid topikal, terutamanya apabila krim digunakan di bawah pembalut luka yang menyumbat, ialah:

- rasa panas membahang
- gatal-gatal
- kulit rengsa
- kulit kering
- bintik-bintik mirip akne
- radang folikel rambut
- pertumbuhan rambut yang berlebihan
- pigmentasi kulit berkurangan
- tindak balas alergi (alahan)
- kulit menjadi lembut/terurai
- jangkitan kulit
- kulit menjadi nipis
- tanda regangan pada kulit
- ruam peluh (ruam yang halus dan gatal pada kulit)

Jika anda mengalami kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi. Ini termasuklah kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, ataupun dengan melayari laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Diprogenta Cream

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Simpan pada suhu yang kurang daripada 30°C.

- Pelupusan

Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanyalah ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

Deskripsi Produk

- Rupa dan warna produk

Diprogenta Cream ialah krim yang licin, putih dan sekata, tidak mengandungi benda asing.

Diprogenta Cream disediakan di dalam tiub berisi 5g atau 15g dan di dalam balang berisi 450g.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
bethamethasone dipropionate,
gentamicin sulfate.

- Bahan tidak aktif:
Chlorocresol, sodium phosphate monobasic monohydrate, phosphoric acid, petrolatum putih, minyak mineral, cetostearyl alcohol, ceteth 20, air yang ditulenkan.

- Nombor MAL

MAL19871372AZ

Pengilang

MERCK SHARP DOHME PHARMA Tbk
Jl. Raya Pandaan Km 48, Pandaan, Pasuruan, Jawa Timur, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn. Bhd.
Lot No. B-22-1 & B-22-2,
Level 22
The Ascent, Paradigm No.1
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
23/06/2017 (Versi 062010a)

Nombor Siri

BPFK(R4/1)22062017/00151